



Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional



TEKS UCAPAN ALU-ALUAN

**YBHG. DATUK TPr DR. ALIAS BIN RAMELI
KETUA PENGARAH PERANCANGAN BANDAR DAN DESA**

SEMPENA

**MAJLIS SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR
SEDUNIA TAHUN 2024 PERINGKAT KEBANGSAAN
(15 MINIT)**

**28 OKTOBER 2024 (ISNIN)
BERSAMAAN 25 RABIULAKHIR 1446H
HOTEL EVERLY, PUTRAJAYA**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَئْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَىٰٰ إِلَهٍ وَصَاحِبِهِ أَجْمَعِينَ.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan **Salam PLANMalaysia Peneraju Agenda Perancangan Pembangunan Negara.**

Terima kasih saudari Pengacara Majlis,

- SALUTASI -

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan, Puan-puan, para hadirin yang dihormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita telah diberi ruang dan kesempatan untuk bersama-sama pada pagi yang berbahagia ini, sempena sambutan **Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Tahun 2024 Peringkat Kebangsaan.**

2. Terlebih dahulu, saya bagi pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada **Yang Berhormat Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)** kerana sudi meluangkan masa untuk menyempurnakan sambutan HPBS pada pagi ini. Kehadiran dan sokongan Yang Berhormat Menteri dan pasukan KPKT sudah tentunya **memberi semangat dan dorongan** khususnya kepada semua warga perancang bandar dan pengurus-pengurus bandar yang hadir pada pagi ini, baik yang berkhidmat dalam sektor awam, juga rakan-rakan di badan berkanun, badan professional, sektor swasta, institut pengajian tinggi dan di mana sahaja profession perancang bandar dan pihak berkepentingan dalam pembangunan bandar berada.
3. Ucapan penghargaan terima kasih juga saya tujukan kepada **Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP), Unit Penyelaras Lonjakan Prestasi (PACU) Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Perbadanan Putrajaya (PPJ) dan Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM)** selaku rakan strategik bersama PLANMalaysia bagi menjayakan Sambutan HPBS Peringkat Kebangsaan pada hari ini.

4. HPBS pada tahun ini sekali lagi disekalikan dengan program *National Planning Congress* (NPC) dengan penglibatan Megacity Think Tank Alliance (MeTTA) sebagai tetamu jemputan antarabangsa MIP.
5. Selamat datang dan ucapan terima kasih turut ditujukan kepada wakil-wakil Ketua Setiausaha dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Ketua-Ketua Jabatan, Datuk Bandar, Yang DiPertua, wakil-wakil daripada Jabatan/Agensi dan Badan Berkanun, pemain industri, pemaju dan para pelajar IPT yang sama-sama terlibat dalam mempamerkan **ikhtiar perancangan pembangunan bandar** masing-masing, serta tuan-tuan dan puan-puan yang sedang menonton majlis ini secara dalam talian melalui **FB Life PLANMalaysia**.

Yang Berhormat, Yang Berbahagia Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-Puan para hadirin yang dihormati sekalian.

SEJARAH SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA (HPBS)

6. Hari Perancangan Bandar Sedunia (*World Town Planning Day*) disambut pada **8 November** setiap tahun. Sambutan yang pertama telah diperkenalkan oleh seorang pensyarah dari Argentina iaitu **Professor Carlos Maria della Paolera** pada 8 November 1949 di Buenos Aires, Argentina.

7. Dalam konteks Malaysia, sambutan ini dijayakan bagi memperingati peranan dan sumbangan profesion perancang bandar serta semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan **ikhtiar dan tatakelola perancangan dan pembangunan bandar** khususnya ke arah mencapai **aspirasi Perbandaran MADANI** terutamanya dari aspek **kemampunan bandar dan kesejahteraan rakyat yang menjadi rukun/tonggak Malaysia MADANI**. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, baik di peringkat persekutuan mahupun negeri, telah sama-sama menjadikan HPBS sebagai acara tahunan semenjak tahun 1988 lagi. Tahun ini adalah **tahun ke-36** sambutan HPBS disambut di Malaysia.
8. Pada tahun ini, sambutan HPBS peringkat kebangsaan diadakan lebih awal kerana pada tarikh 8 November akan diadakan Persidangan World Urban Forum (WUF) ke-12 di Cairo, Egypt.
9. Sempena sambutan HPBS peringkat kebangsaan pada tahun ini, dua (2) acara utama iaitu:
 - (i) **Majlis Perasmian Sambutan HPBS 2024** ; dan
 - (ii) **Persidangan Perancangan Kebangsaan** atau *National Planning Congress (NPC)* yang akan dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri Malaysia. NPC2024

pada tahun ini yang bertemakan “***Urbanism Next 4R: Reimagine, Reinvent, Revitalise, Reconnect***” akan menghimpunkan pelbagai pemegang taruh yang terlibat secara langsung dalam perancangan dan pembangunan bandar dan desa yang turut melibatkan penyertaan peserta dari luar negara.

10. Di samping itu juga, terdapat beberapa **acara sampingan** diadakan bagi memeriahkan majlis sambutan HPBS iaitu:

- (i) Pada petang nanti akan diadakan majlis penyampaian hadiah bagi **Pertandingan Layout Micro-Planning di Malaysia** yang melibatkan penyertaan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di seluruh negara; serta
- (ii) Majlis penyampaian hadiah bagi **Pertandingan Video bertemakan Bandar Masa Hadapan Negaraku Malaysia** melibatkan penyertaan seluruh warga Malaysia.
- (iii) Selain itu, **Forum Healthy Cities Agenda Nasional Malaysia Sihat** (ANMS) bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan turut diadakan pada sebelah petang ini sebagai platform perkongsian pengetahuan dan kepakaran mengenai aspek pembangunan bandar sihat dan mampan di Malaysia.

lanya akan berlangsung melalui tiga sesi selari (*parallel session*) dengan tema:

- i. **Healthy City:** Sihatkah Bandar kita?
 - ii. **Healthy City:** *Urbanites' Mental Health – Are We Doing Enough?*
 - iii. **Healthy City:** Penerapan *Behavioural Insights* dalam Merancang Bandar
11. Sambutan HPBS juga turut diraikan di setiap negeri bermula dengan HPBS peringkat Negeri Kedah pada 1 Oktober 2024, Pulau Pinang pada 3 Oktober 2024, Selangor pada 20 Oktober 2024 yang disempurnakan oleh DYMM Tuanku Sultan Selangor, Negeri Pahang pada 22 Oktober 2024, Kelantan pada 30 Oktober 2024, dan seterusnya akan diikuti oleh HPBS Negeri Melaka, Johor, Perlis, Negeri Sembilan, Terengganu dan Perak.

Yang Berhormat, Yang Berbahagia Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-Puan para hadirin yang dihormati sekalian

TEMA SAMBUTAN HPBS 2024

12. Tema sambutan HPBS pada tahun ini adalah “**Sedaya Upaya Membina Bandar Mampan dan Pintar #DemiPertiwi**”

Pemilihan tema ini adalah selaras dengan komitmen penuh KPKT untuk memperkuatkan **Agenda Bandar Mampan dan Pintar** ke arah pencapaian perbandaran MADANI selaras dengan aspirasi pembangunan Malaysia MADANI.

13. Menjelang tahun 2030, merujuk sumber daripada European Commission (2023) melalui portal *Our World in Data*, dianggarkan sebanyak 87.9% penduduk dunia akan menjadikan bandar sebagai tempat kediaman mereka. Ekoran daripada itu, **pelepasan karbon dioksida (Co2) global** dijangka mengalami lonjakan kepada **paras 75%**, jika tiada langkah adaptasi dan mitigasi yang menyeluruh, jitu dan mampu menyederhana kesenjangan, **dan ini akhirnya** akan meningkatkan beban kepada bekalan sumber dan penggunaan tenaga.
14. Lebih merungsingkan, di Malaysia juga turut menunjukkan tren yang sama di mana hampir 80% rakyat Malaysia akan menjadi penghuni bandar menjelang 2030 dengan penumpuan penduduk di enam bandar raya besar termasuk Kuala Lumpur, Putrajaya, Shah Alam, Pulau Pinang, Johor Bahru dan Melaka. Pada masa kini (tahun 2024), kadar perbandaran adalah pada tahap 75.8%.

15. Bertitik tolak daripada hal ini, pembangunan berkonsepkan bandar pintar dilihat berupaya menjadi solusi terbaik untuk memperbaiki kualiti hidup, mewujudkan masa depan yang selamat dan berkelanjutan (mampan) untuk kesejahteraan hidup masyarakat.

16. Bandar Pintar adalah sebahagian daripada asas pembangunan bandar mampan yang melibatkan proses pembangunan yang memberi perhatian dan **menyeimbangi aspek memberkati kesejahteraan sosial, membugar ekonomi dan memberdaya ekosistem alam sekitar**. Ia boleh diaplikasikan di kawasan pembangunan bandar baharu, kawasan pemulihan, regenerasi, konservasi dan tapak pembangunan semula bandar.

17. **Kata kunci mampan dan pintar** untuk tema sambutan HPBS pada tahun ini jelas menggambarkan **tekad yang jelas** dan komitmen yang serius ke arah mewujudkan pembangunan bandar yang mampan di masa hadapan. Kita tiada pilihan, #DemiPertiwi, kita harus bersama-sama dan **“Sedaya Upaya (Islah Mastata’tu) Dalam Membina Bandar di Malaysia Secara Mampan dan Pintar”**.

Yang Berhormat, Yang Berbahagia Dato’-Dato’, Tuan-tuan dan Puan-Puan para hadirin yang dihormati sekalian

KEPENTINGAN PROFESION PERANCANG BANDAR

18. Tahun ini genap **103 tahun** perkhidmatan **Profesional Perancang Bandar** di Malaysia. Sehingga kini, dianggarkan kira-kira **727 orang perancang bandar** telah ditempatkan di sektor kerajaan sama ada di peringkat kerajaan persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan.
19. Selain daripada sektor kerajaan, penglibatan perancang bandar swasta juga memainkan peranan yang signifikan dalam menyokong agenda pembangunan negara. Mengikut rekod, **sebanyak 225 buah syarikat perunding perancang bandar** berdaftar di Malaysia, yang masing-masing mempunyai kepakaran tertentu dalam bidang perancangan bandar, wilayah, desa dan sebagainya.
20. Tidak lupa juga kepada ahli-ahli akademik yang berkhidmat di IPTA yang sama-sama membantu melahirkan graduan perancang bandar. Adalah dianggarkan seramai **300 orang graduan** daripada jurusan perancangan bandar **dilahirkan setiap tahun melalui 6 buah IPTA tempatan** di seluruh negara.
21. Sesungguhnya cabaran (tantangan) pembangunan dan operasi bandar semakin besar dan kompleks dalam

memenuhi aspirasi kesejahteraan komuniti dan matlamat bandar mampan dan pintar. Cabaran ini bukan hanya dipikul oleh perancang bandar sahaja, tetapi didukung oleh **keseluruhan ekosistem perancangan dan pengurusan perbandaran** yang melibatkan pelbagai pihak, khususnya Pihak Berkuasa Tempatan.

MENDEPANI CABARAN PROFESION PERANCANG BANDAR

22. Dalam mendepani cabaran perancangan bandar di masa kini dan akan datang, ***“It All Starts at Home: Local Actions for Sustainable Cities and Communities”*** yang merupakan tema persidangan WUF12, boleh diperhalusi, dihayati dan dipraktikkan.

23. Apa yang dapat kita rungkaikan daripada tema **“semuanya bermula dari rumah?”**. Konsep kediaman (*home*) melangkaui struktur fizikal yang melindungi kita kerana ianya merangkumi dimensi budaya, sosial, ekonomi dan alam sekitar dalam kehidupan sehari-hari. Antara isu-isu (kesenjangan) mendesak yang mempengaruhi kehidupan sehari-hari termasuk **ketersediaan dan kos perumahan, kemudahan pengangkutan, keselamatan bekalan air dan utiliti, akses kepada ruang awam yang selamat, kesan perubahan iklim dan konflik perbandaran.**

24. Sejarah pandemik COVID-19 telah menyebabkan seluruh ekonomi global tergendala seketika. Agenda ekonomi global telah membuktikan bahawa sektor perancangan sangat berkait rapat dengan musibah yang melanda khususnya elemen berkaitan ***urban resiliency*** (daya ketahanan perbandaran).
25. **Keresahan dan kejelikan** perbandaran masa lalu yang berpunca daripada **ketelanjuran** dan kegagalan perancangan (*failure of planning*) perlu dijadikan iktibar yang menuntut untuk kita penggubal-penggubal dasar, perancang dan pengurus-pengurus bandar menerima perubahan serta dapat bertindak pantas, tuntas dan tangkas bagi memacu perancangan dan pembangunan guna tanah bandar yang mampan dan pintar.
26. Kepada para perancang bandar khususnya, saya amat mengharapkan kerjasama dan muafakat daripada semua sama ada yang berkhidmat di sektor awam mahupun swasta untuk **tidak lagi menjalankan tugas perancangan secara *business as usual***, tetapi perlu sama-sama meneruskan tekad dan gerak kerja perancangan bandar secara lebih ampuh, profesional dan ***diverse*** dalam merealisasi hasrat bandar mampan dan pintar.

Yang Berhormat, Yang Berbahagia Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-Puan para hadirin yang dihormati sekalian

PENUTUP

27. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada **Yang Berhormat Tuan Nga Kor Ming** (Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan) di atas kesudian melapangkan masa bagi meraikan dan **merasmikan Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Tahun 2024 Peringkat Kebangsaan** pada pagi ini.
28. Saya juga ingin merakamkan **ucapan ribuan terima kasih** kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Majlis Sambutan HPBS pada tahun ini, khususnya kepada rakan-rakan dan pasukan KPKT, Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP), Unit Penyelaras Lonjakan Prestasi (PACU) Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Perbadanan Putrajaya (PPJ) dan Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM) selaku rakan strategik PLANMalaysia bagi menjayakan Sambutan HPBS Peringkat Kebangsaan.

29. Semoga program dua hari ini boleh dijadikan platform dan medium pertemuan untuk mengeratkan lagi hubungan (kemitraan) di antara kita untuk bersama-sama **berikhtiar secara nirmala** dalam merancang dan **mentransformasi pembangunan bandar dan desa** negara pada masa depan ke arah pencapaian agenda besar Malaysia MADANI untuk mewujudkan **masyarakat MADANI yang maju, terampil dan terangkum serta penuh dengan acuan (*ingridients*) manusiawi (*humanity*) dalam merencana pembangunan bandar.**

Sekian. Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatuAllahiwabarakatuh.

Disediakan oleh:

AbR & Bahagian Korporat
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)
28 Oktober 2024